

Istilah Faraid dalam 114 Surah Al-Quran: Satu Analisis

Faraid-Related Terms in 114 Surah Al-Quran: An Analysis

Al Hafiz WM¹ & Kamarul Shukri Mat Teh²

¹ (Corresponding Author) Faculty of Islamic Contemporary Studies, University of Sultan Zainal Abidin, 21300, Malaysia, e-mail: wanalhafiz@gmail.com

² Faculty of Islamic Contemporary Studies, University of Sultan Zainal Abidin, 21300, Malaysia, e-mail: kamarul@unisza.edu.my

ABSTRAK

Istilah *faraid* merujuk kepada perkataan-perkataan yang dinyatakan hanya sekali sahaja di dalam al-Quran. Bilangan perkataan tersebut di dalam setiap helaian dan surah al-Quran perlu diperincikan dari pelbagai sudut sebelum difahami lebih lanjut apakah hikmah di sebaliknya. Hal demikian kerana tiada satu pun perkara di dalam al-Quran itu dijadikan sia-sia. Oleh itu, kajian ini mengorak langkah pertama dengan menjalankan analisis terhadap perkataan terbabit berobjektifkan untuk merungkaikan berapakah bilangan sebenar perkataan faraid dan apakah kategori-kategorinya. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang melalui reka bentuk kajian analisis kandungan. Hasil kajian menunjukkan terdapat hampir 400 patah perkataan faraid daripada 77,934 patah perkataan dalam al-Quran. Jumlah terbabit dapat dibahagikan kepada beberapa kategori seperti kata nama dan kata kerja. Kesimpulannya, kajian ini merupakan langkah awal sebelum dijalankan kajian lanjut terhadap perkataan faraid tersebut. Kajian ini juga dapat menyumbang kepada proses pengukuhan hafazan al-Quran bagi sesiapa sahaja yang telah atau bakal bergelar *Hāfīz al-Quran*.

Kata Kunci: Perkataan al-Quran; Faraid; Tunggal

ABSTRACT

The term 'faraid' refers to words written in Quran that only appear once. The number of words in each sheet and surah in al-Quran needs meticulous attention from various angles before further comprehending what is the wisdom behind it. None of the words in the Quran are made useless. Therefore, this study takes the initial step in conducting an analysis of words related to faraid terms with an objective to unravel the actual number of faraid words and what are the categories. This study uses a qualitative approach that goes through the design of content analysis study. The results show that there are almost 400 faraid-related words out of 77,934 words in the Quran. The numbers involved are divided into several categories, namely nouns and verbs. In conclusion, this study is a preliminary step before conducting further research related to the study of faraid-related words. The

study can also contribute to the process of strengthening the memorization of Qur'an especially for those who has entitled or has an intention to become Hāfiẓ al-Quran.

Keywords: *Quranic Words; Faraid; Single*

1. Pendahuluan

Al-Quran ialah kitab suci umat Islam dan mukjizat sepanjang zaman. Setiap individu muslim mesti membaca al-Quran secara bertajwid kerana hukum bacaan bertajwid adalah fardu 'ain (Sa'ad, 2009). Manakala, hukum mempelajari ilmu Tajwid pula adalah fardu kifayah (Sa'ad, 2009). Imam Ibn al-Jazari (2000) menukilkan tentang kemestian bacaan secara bertajwid dalam matan karangan beliau, iaitu:

وَالْأَخْذُ بِالتَّجْوِيدِ حَتْمٌ لَّازِمٌ # مَنْ لَمْ يُجَوِّدِ الْقُرْآنَ آثِمٌ
لِأَنَّهُ بِهِ الْإِلَهُ أَنْزَلَا # وَهَكَذَا عَنْهُ إِلَيْنَا وَصَلَا

Mafhum daripada matan di atas ialah, bacaan secara bertajwid itu satu kemestian yang lazim. Sesiapa yang tidak membaca al-Quran secara bertajwid, maka dia berdosa. Kerana Allah turunkan al-Quran secara bertajwid, dan secara bertajwid juga ia sampai kepada kita.

Sebelum berupaya untuk membaca al-Quran secara bertajwid, setiap individu muslim mesti mempelajari terlebih dahulu perkara-perkara asas berkenaan tajwid antaranya seperti mengenal huruf dari sudut nama dan sebutan, baris, dan hukum-hukum tajwid yang lain.

Dalam konteks huruf-huruf dan perkataan al-Quran, majoriti ulama telah berpendapat bahawa jumlah keseluruhan perkataan dalam al-Quran adalah 77,934 patah perkataan (al-Suyuti, 2004). Setiap perkataan tersebut terbentuk hasil gabungan huruf-huruf al-Quran, dan semestinya semua huruf di dalam al-Quran ialah huruf bahasa Arab kerana bahasa tersebut merupakan bahasa al-Quran. Firman Allah SWT:

﴿إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ قُرْآنًا عَرَبِيًّا لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ﴾

Terjemahan: Sesungguhnya Kami menurunkan kitab itu sebagaial-Quran yang dibaca dengan bahasa Arab, supaya kamu (menggunakan akal untuk) memahaminya (Yusuf 12:2)

Oleh yang demikian, kajian ini dilakukan bagi meneliti jumlah sebenar perkataan yang hanya didatangkan pada satu tempat sahaja di dalam al-Quran. Seterusnya, untuk meletakkan perkataan terbabit dalam beberapa

kategori secara tersusun dan kemas bagi memudahkan rujukan pada masa akan datang.

2. Metodologi Pengumpulan Perkataan *Fara'id*

Reka bentuk kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah analisis kandungan. Sebanyak tiga garis panduan telah digarap untuk menganalisis setiap perkataan di dalam al-Quran. Garis panduan ini dibuat berdasarkan kaedah pemilihan perkataan dalam gaya Bahasa Arab oleh Dr. Nasr Sa'id 'Abd al-Maqsud (2009), pensyarah Kuliah al-Quran li al-Qiraat wa 'Ulumiha, Universiti al-Azhar cawangan Tanta, Mesir.

Garis panduan yang pertama adalah dengan hanya menghimpunkan perkataan-perkataan yang didatangkan sekali sahaja dalam keseluruhan al-Quran. Yang dimaksudkan dengan didatangkan sekali sahaja ialah perkataan tersebut hanya ada pada satu tempat sahaja dan tidak ada pada tempat lain sama ada dalam bentuk yang sama mahupun pecahan daripada kata dasarnya. Sebagai contoh, perkataan الصلاة banyak disebut dalam al-Quran, begitu juga dengan pecahannya seperti الصَّلَوَاتُ , يَصَلُّونَ dan sebagainya. Maka, perkataan tersebut tidak dimasukkan dalam kategori faraid kerana disebut banyak kali dan mempunyai pecahan yang juga disebut dalam al-Quran.

Garis panduan kedua ialah tidak memilih perkataan yang terbit daripadanya perkataan lain. Contohnya perkataan اِئِيلُ dan اَبَابِيلُ yang hampir sama dari sudut susunan dan jenis huruf walaupun berbeza lafaznya. Perkataan pertama bermaksud unta, dan perkataan kedua bermaksud sejenis burung yang diberi nama Ababil. Perkataan اَبَابِيلُ adalah bukan daripada pecahan perkataan اِئِيلُ , bahkan maksudnya juga berbeza. Contoh perkataan lain ialah الْهَيْهْتُ dan حَلَقُومٌ , بَعْضٌ dan بَعْضَةٌ , تَنْزِيلٌ dan تَنْزِيلٌ , هَذَا dan هَذَا , بُهْتَانٌ dan أُشْكُوهُ , السَّاعَةَ dan سَوَاعًا , سُنَنٌ dan يَنْسَنَهُ - سِنَةٌ , حُورٌ dan يَحُورٌ , بُهْتَانٌ dan الْاَتَانِمِلُ , الْغَيْبُ dan يَغْتَبُ , عَرَجٌ dan الْعُرْجُونَ , الصُّورُ dan فَصْرُهُنَّ , شَاوِرٌ dan فَاتَشَارِبُ dan النَّمْلُ , dan juga يَغُوقُ dengan الْمُعَوَّقِينَ .

Garis panduan ketiga dan yang terakhir ialah mengeluarkan perkataan yang ada bandingan dengannya dalam riwayat qiraat selain bacaan Hafz daripada 'Asim. Pengkaji memilih untuk tidak mengambil perkataan-perkataan tersebut kerana mempunyai beberapa persamaan khasnya binaan huruf dan susunannya. Sebagai contoh, perkataan لَا ضَيْرٌ . Perkataan ini mempunyai bandingan dengan perkataan لَا يَضِرُّكُمْ dalam bacaan Imam Nafi', Ibn Kathir, Abu 'Amru, Hamzah dan Ya'qub.

Terdapat dua kitab utama dijadikan rujukan pada menganalisis semua perkataan di dalam al-Quran dan perkataan-perkataan yang mempunyai perbezaan qiraat. Kitab Mu'jam al-Qiraat (Abd al-Latif, 2002) digunakan untuk menganalisis perkataan yang mengandungi khilaf qiraat. Di samping itu, kitab Mu'jam al-Mufahras Li Alfaz al-Qur'an al-Karim (Muhammad

Fuad, 1945) digunakan untuk menganalisis keseluruhan perkataan di dalam al-Quran.

3. Pengertian Faraid

Faraid berasal daripada Bahasa Arab الفَرَائِدُ iaitu jamak kepada فَرِيْدَةٌ yang membawa maksud satu, tunggal, tersendiri, dan tiada bandingan (Husin, 1994). Menurut kamus Lisan al-‘Arab (Ibn Manzur, 2003), faraid juga bermaksud ruas tulang belakang yang bersambung antara satu ruas ke satu ruas yang lain bermula dari tulang sulbi sehingga ke tulang leher. Selain itu, ia juga bermaksud sebutir batu permata yang unik dan mempunyai nilai estetika tersendiri.

Apa yang dimaksudkan dengan faraid dalam kajian ini ialah perkataan-perkataan yang hanya didatangkan sekali sahaja iaitu pada satu tempat sahaja dalam al-Quran. Dalam kata lain, hanya perkataan itu sahaja, disebut pada satu tempat sahaja, dan tiada pecahan perkataan yang terbentuk daripada kata dasar perkataan tersebut yang disebut dalam al-Quran.

Setiap daripada perkataan-perkataan yang menjadi topik kajian ini umpama batu permata yang unik dan tunggal, serta mempunyai nilai tersendiri yang tiada pada perkataan lain. Semua perkataan ini akan dihimpunkan dan dijalin umpama untaian permata yang bergemerlapan buat tatapan penuntut ilmu Allah SWT.

3.1 Perbezaan Antara Faraid al-Quran Dengan Gharib al-Quran

Gharib al-Quran (غَرِيْبُ الْقُرْآنِ) ialah apa yang sukar untuk difahami dan diketahui maknanya dalam al-Quran (al-Suyuti, 2004). Hal ini telah disentuh oleh al-Suyuti (2004) dalam kitab beliau al-Itqan, di bahagian ketiga puluh enam (36) pada mengenali perkara *gharib* dalam al-Quran.

Manakala pengertian berkenaan faraid telah diterangkan sebelum ini. Justeru, tiada masalah sekiranya terdapat perkataan faraid yang juga merupakan perkataan *gharib*. Ada dalam kalangan perkataan faraid yang dianggap sebagai perkataan *gharib* seperti perkataan أَبَا. Namun, perkataan faraid yang tidak tergolong dalam konteks perkataan *gharib* adalah lebih banyak.

Berikut ialah contoh perkataan faraid yang juga termasuk dalam kategori *gharib*. Contoh ini melibatkan perkataan kata kerja lepas yang telah disebut oleh Ibn ‘Abbas dalam kitab beliau *gharib* al-Quran (al-Suyuti, 2004). Perkataan-perkataan tersebut ialah:


أَبَا - فَأَنْبَجَسْتُ - أَتَقْنَ - جَاسُوا - حَصْحَصَ - دَكَّيْتُمْ - سَجَى - سَلَفُوكُمْ - شَعَفَهَا -
طَحَاهَا - عَسَعَسَ - أَعْطَشَ - أَفْنَى - انكَدَرْتُ - نَتَفْنَا

Demikian ialah 15 patah perkataan yang tergolong dalam kedua-dua kategori iaitu kategori faraid dan kategori *gharib*. 15 perkataan tersebut adalah sebahagian daripada 47 patah perkataan bagi kata kerja lepas yang akan dihipunkan dalam kajian ini.

4. Indeks Perkataan Faraid

Hasil daripada kajian yang dijalankan, pengkaji mendapati terdapat khilaf dalam kalangan ulama' pada penentuan bilangan perkataan al-Quran. Walau bagaimanapun, majoriti ulama' telah berpendapat bahawa jumlah keseluruhan perkataan dalam al-Quran adalah 77,934 (al-Suyuti, 2004). Daripada jumlah tersebut, terkumpul sebanyak 391 patah perkataan faraid iaitu merangkumi 112 kata kerja dan 279 kata nama. 47 patah perkataan daripada 112 perkataan kata kerja adalah kata kerja lepas, 6 patah perkataan kata kerja perintah, dan baki yang lainnya adalah kata kerja semasa atau sekarang.

Rajah 1.0: Kategori Perkataan Faraid



(Sumber: Al Hafiz & Kamarul Shukri, 2020)

4.1 Kata Kerja

Kata kerja atau *فِعْل* ialah perkataan yang merujuk kepada perbuatan. Perbuatan yang dimaksudkan adalah terikat dengan masa berlakunya sesuatu perbuatan tersebut sama ada yang telah berlalu (*مَاضِي*), yang sedang berlaku (*مُضَارِع*), atau kata kerja berbentuk perintah dan akan berlaku (*أَمْر*). Justeru, pengkaji telah membahagikan indeks perkataan faraid dalam kategori kata kerja kepada tiga bahagian untuk lebih jelas dari segi penerangan dan memudahkan kefahaman.

4.1.1 Madi (Lepas)

Kata kerja lepas hanya memiliki 47 patah perkataan faraid daripada keseluruhan perkataan yang ada dalam al-Quran. Perkataan-perkataan tersebut disusun mengikut aturan kata asalnya seperti yang berada dalam jadual 1.0 di bawah.

Jadual 1.0: Perkataan Faraid Madi

Bil.	Perkataan	Nama Surah	No. Ayat	Bil.	Perkataan	Nama Surah	No. Ayat
1	أَبَقَ	Al-Saffat	140	25	اشْمَأَزَّتْ	Al-Zumar	45
2	فَاتَبَجَسَتْ	Al-A'raf	160	26	شَعَفَهَا	Yusuf	30
3	فَتَبَسَّمَ	Al-Naml	19	27	طَحَاهَا	Al-Shams	6
4	أَنفَنَ	Al-Naml	88	28	عَسَعَسَ	Al-Takwir	17
5	فَتَبَّطَهُمْ	Al-Tawbah	46	29	أَعْطَشَ	Al-Nazi'at	29
6	اجْتَنَّتْ	Ibrahim	26	30	عَلَّقَتْ	Yusuf	23
7	جَاسُوا	Al-Isra'	5	31	فَفَتَّقْنَاهُمَا	Al-Anbiya'	30
8	تَمَرَّوْا	Al-Jinn	14	32	أَفْضَى	Al-Nisa'	21
9	حَصَّصَ	Yusuf	51	33	فَفَهَّمْنَاهَا	Al-Anbiya'	79
10	حُصِّلَ	Al-'Adiyat	10	34	فَصَمْنَا	Al-Anbiya'	11
11	حَبَّتْ	Al-Isra'	97	35	أَفْنَى	Al-Najm	48
12	دَحَاهَا	Al-Nazi'at	30	36	انْكَدَّرَتْ	Al-Takwir	2
13	دَمَدَمَ	Al-Shams	14	37	أَكْدَى	Al-Najm	34
14	ذَكَّيْنِمَ	Al-Ma'idah	3	38	كُثِبَتْ	Al-Takwir	11
15	أَدَّاعُوا	Al-Nisa'	83	39	فَالْتَفَمَهُ	Al-Saffat	142
16	رَبِحَتْ	Al-Baqarah	16	40	فَأَلْهَمَهَا	Al-Shams	8
17	رَانَ	Al-Mutaffifin	14	41	لَمَسَّخْنَاهُمْ	Yasin	67
18	سَجَى	Al-Duha	2	42	نَتَقْنَا	Al-A'raf	171
19	سُطِحَتْ	Al-Ghashiyah	20	43	نَضِجَتْ	Al-Nisa'	56
20	سَكَّتْ	Al-A'raf	154	44	هَلَدِمَتْ	Al-Hajj	40

21	سَلُّوْكُمْ	Al-Ahzab	19	45	وَجِبْتِ	Al-Hajj	36
22	فَسَاهَمَ	Al-Saffat	141	46	وَقَبْ	Al-Falaq	3
23	اشْتَعَلَ	Maryam	4	47	فَوَكَرَهُ	Al-Qasas	15
24	فَصَكَّتْ	Al-Dharyyat	29				

(Sumber: Al Hafiz & Kamarul Shukri, 2020)

4.1.2 Mudari'

Pengkaji menemui sebanyak 59 patah perkataan faraid bagi kata kerja ini daripada 77,934 perkataan yang ada dalam al-Quran. Jumlah tersebut bertambah sebanyak 12 patah perkataan berbanding dengan kata kerja lepas. Jadual 2.0 di bawah menyenaraikan semua kata kerja mudari' yang dikumpul oleh pengkaji.

Jadual 2.0: Perkataan Faraid Mudari'

Bil.	Perkataan	Nama Surah	No. Ayat	Bil.	Perkataan	Nama Surah	No. Ayat
1	بُؤِدُهُ	Al-Baqarah	255	31	يُضَاهَهُونَ	Al-Tawbah	30
2	فَلْيَمِيتِكُنَّ	Al-Nisa'	119	32	يَعْبَأُ	Al-Furqan	77
3	يُبْحَثُ	Al-Ma'idah	31	33	تَعْوَلُوا	Al-Nisa'	3
4	لِيَبْطِئَنَّ	Al-Nisa'	72	34	أَعْيَبَهَا	Al-Kahf	79
5	نَبَيْتَهُلِ	Ali 'Imran	61	35	تُعْمِضُوا	Al-Baqarah	267
6	تَبِيدَ	Al-Kahf	35	36	يَتَعَامَرُونَ	Al-Mutaffifin	30
7	يَبِيهُونَ	Al-Ma'idah	26	37	تَفْتَتُوا	Yusuf	85
8	بِحِرَّةٍ	Al-A'raf	150	38	تَفْضَحُونَ	Al-Hijr	68
9	يَبْجَرَعُهُ	Ibrahim	17	39	تُفَنِّدُونَ	Yusuf	94
10	تَجَسَّسُوا	Al-Hujurat	12	40	أَفْوِضْ	Ghafir	44
11	تَتَجَافَى	Al-Sajdah	16	41	تُفَشِّرُهُ	Al-Zumar	23
12	يَجْمَحُونَ	Al-Tawbah	57	42	يَنْقِضْ	Al-Kahf	77
13	تُحْرِكْ	Al-Qiyamah	16	43	يَكْلُوكُمْ	Al-Anbiya'	42
14	لَأُحْتَبِكَنَّ	Al-Isra'	62	44	فَتُكْوَى	Al-Tawbah	35
15	نَحِيدُ	Qaf	19	45	تَلْفَحُ	Al-Mu'minun	104

16	يَحِيفَ	Al-Nur	50	46	يَلْفِظُ	Qaf	18
17	يَتَحَبَّطُ	Al-Baqarah	275	47	تُمْسُونَ	Al-Rum	17
18	تُحَطُّهُ	Al-'Ankabut	48	48	يَتَمَطَّى	Al-Qiyamah	33
19	يَدْمَعُهُ	Al-Anbiya'	18	49	يَمِيرُ	Yusuf	65
20	تَدَّخِرُونَ	Ali 'Imran	49	50	تَتَنَابَرُوا	Al-Hujurat	11
21	تَذْهَلُ	Al-Hajj	2	51	يَسْتَنْبِطُونَهُ	Al-Nisa'	83
22	تَذُودَانِ	Al-Qasas	23	52	يَنْعِقُ	Al-Baqarah	171
23	يَرْبَعُ	Yusuf	12	53	فَسَيُغْضِضُونَ	Al-Isra'	51
24	تَزْدَرِي	Hud	31	54	يُنْفِقُو	Al-Ma'idah	33
25	يَرْفُونَ	Al-Saffat	94	55	لَتَنْوَهُ	Al-Qasas	76
26	يَسْطُونَ	Al-Hajj	72	56	يَهْجَعُونَ	Al-Dhariyat	17
27	لَنْسَمَعَا	Al-'Alaq	15	57	أَهْشُ	Taha	18
28	يَسْلُبُهُمْ	Al-Hajj	73	58	يُوفِضُونَ	Al-Ma'arij	43
29	تُشْمِثُ	Al-A'raf	150	59	تَنْبِيَا	Taha	42
30	تُصْعَرُ	Luqman	18				

(Sumber: Al Hafiz & Kamarul Shukri, 2020)

4.1.3 Amr

Bagi kata kerja perintah, didapati hanya terdapat 6 perkataan sahaja yang boleh dikategorikan dalam perkataan faraid. Walau bagaimanapun, bentuk taburan perkataan faraid bagi kata kerja ini masih lagi menyeluruh iaitu merangkumi semua bahagian dalam al-Quran sama ada awal, tengah, mahupun akhir.

Jadual 3.0: Perkataan Faraid Amr

Bil.	Perkataan	Nama Surah	Nombor Ayat
1	أَبْلَعِي	Hud	44
2	فَاخْلَعْ	Taha	12
3	فَسَرِّدْ	Al-Anfal	57
4	اطْرَحُوهُ	Yusuf	9
5	فَتَهَجِّدْ	Al-Isra'	79

6	أَنْحَرُ	Al-Kawthar	2
---	----------	------------	---

(Sumber: Al Hafiz & Kamarul Shukri, 2020)

4.2 Kata Nama

Seperti yang disebutkan sebelum ini, jumlah kata nama yang dikumpulkan oleh pengkaji untuk dimasukkan dalam kategori perkataan faraid ialah sebanyak 279 patah perkataan. Jumlah ini sebenarnya termasuk dua perkataan yang berasal daripada kata kerja yang berubah menjadi kata nama, atau dalam kata lain menjadi *أَسْمَاءُ الْأَفْعَالِ*. Dua perkataan tersebut masing-masing dimulakan dengan huruf هـ iaitu هَاوُؤْمُ dalam surah al-Haqqah dan هَيْتٌ dalam surah Yusuf. Berikut ialah senarai 279 kata nama bagi perkataan faraid yang telah dihimpun oleh pengkaji.

Jadual 4.0: Perkataan Faraid Kata Nama

Bil.	Perkataan	Nama Surah	No. Ayat	Bil	Perkataan	Nama Surah	No. Ayat
1	أَبَا	'Abasa	31	141	ضَبْحًا	Al-'Adiyat	1
2	أَثَلٍ	Saba'	16	142	ضِدًّا	Maryam	82
3	إِذَا	Maryam	89	143	الضَّفَادِعِ	Al-A'raf	133
4	إِرْمٍ	Al-Fajr	7	144	ضَامِرٍ	Al-Hajj	27
5	آسِنٍ	Muhammad	15	145	ضَنْكًا	Taha	124
6	أَمْتًا	Taha	107	146	ضَبِينٍ	Al-Takwir	24
7	لِالْأَنَامِ	Al-Rahman	10	147	ضَبِيرِي	Al-Najm	22
8	إِي	Yunus	53	148	لِلْمُطَفِّفِينَ	Al-Mutaffifin	1
9	الْأَيَامِي	Al-Nur	32	149	طَلْحٍ	Al-Waqi'ah	29
10	بَابِلَ	Al-Baqarah	102	150	فَطْلٌ	Al-Baqarah	265
11	بَغْرٍ	Al-Hajj	45	151	الطَّائِئَةِ	Al-Nazi'at	34
12	الْأَنْبَرُ	Al-Kawthar	3	152	كَالطُّورِ	Al-Shu'ara'	63
13	بَاسِقَاتٍ	Qaf	10	153	طَعْنِكُمْ	Al-Nahl	80
14	بَصَلَهَا	Al-Baqarah	61	154	عَبْرِي	Al-Rahman	72
15	الْبِعَالِ	Al-Nahl	8	155	عَدَسِهَا	Al-Baqarah	61
16	الْبُقْعَةِ	Al-Qasas	30	156	الْعَرِمِ	Saba'	16
17	بَقْلَهَا	Al-Baqarah	61	157	عَزِينَ	Al-Ma'arij	37

Istilah Faraid dalam 114 Surah Al-Quran: Satu Analisis

18	بَكَّةَ	Ali 'Imran	96	158	عَسَلٍ	Muhammad	15
19	فَتَعَسَا	Muhammad	8	159	عِضِينَ	Al-Hijr	91
20	تَفْتُهُم	Al-Hajj	29	160	عِطْفِهِ	Al-Hajj	9
21	تَلَّهُ	Al-Saffat	103	161	عِغْرِيتُ	Al-Naml	39
22	التِّينِ	Al-Tin	1	162	عَمِيقٍ	Al-Hajj	27
23	ثُبَاتٍ	Al-Nisa'	71	163	التَّعَابِنِ	Al-Taghabun	9
24	ثُجَّاجًا	Al-Naba'	14	164	عَدَقًا	Al-Jinn	16
25	التَّرَى	Taha	6	165	عَزْهًا	Al-Nahl	92
26	الْجِبْتِ	Al-Nisa'	51	166	عُزَى	Ali 'Imran	156
27	الْجَبِينِ	Al-Saffat	103	167	عَصَبًا	Al-Kahf	79
28	جِبَاهُهُمْ	Al-Tawbah	35	168	عُصَّةٍ	Al-Muzzammil	13
29	جَدْوَةَ	Al-Qasas	29	169	عَوَّلَ	Al-Saffat	47
30	حُرْفٍ	Al-Tawbah	109	170	فَحْوَةَ	Al-Kahf	17
31	جُفَاءً	Al-Ra'd	17	171	فَرَثٍ	Al-Nahl	66
32	جِفَانٍ	Saba'	13	172	فَرَعُهَا	Ibrahim	24
33	الْمَجَالِسِ	Al-Mujadalah	11	173	فَارِهِينَ	Al-Shu'ara'	149
34	جَامِدَةً	Al-Naml	88	174	تَفْسِيرًا	Al-Furqan	33
35	جَمًّا	Al-Fajr	20	175	أَفْصَحُ	Al-Qasas	34
36	جَوْفِهِ	Al-Ahzab	4	176	أَنْفِصَامٍ	Al-Baqarah	256
37	جَوِّ	Al-Nahl	79	177	فَطًّا	Ali 'Imran	159
38	جَيْدِهَا	Al-Masad	5	178	فَاقِعٌ	Al-Baqarah	69
39	الْحَبِّكَ	Al-Dhariyat	7	179	فُلَانًا	Al-Furqan	28
40	حَنَمًا	Maryam	71	180	أَفْنَانٍ	Al-Rahman	48
41	حَنِيتًا	Al-A'raf	54	181	فَانٍ	Al-Rahman	26
42	حَدَبٍ	Al-Anbiya'	96	182	فُومَهَا	Al-Baqarah	61
43	حَرْدٍ	Al-Qalam	25	183	الْفِيلِ	Al-Fil	1
44	حَرَسًا	Al-Jinn	14	184	الْمُقْبُوحِينَ	Al-Qasas	42

45	حُسُومًا	Al-Haqqah	7	185	قِتَائِهَا	Al-Baqarah	61
46	حَفَدَةً	Al-Nahl	72	186	قَدْحًا	Al-'Adiyat	2
47	الْأَحْقَافِ	Al-Ahqaf	21	187	قُرَيْشٍ	Quraysh	1
48	حَنِيدٍ	Hud	69	188	قَسْوَرَةٍ	Al-Muddassir	51
49	حُوبًا	Al-Nisa'	2	189	قَبَسِيسِينَ	Al-Ma'idah	82
50	مُنَحِّزًا	Al-Anfal	16	190	قَاصِفًا	Al-Isra'	69
51	حَيْرَانَ	Al-An'am	71	191	قَصَبًا	'Abasa	28
52	الْحَبَاءِ	Al-Naml	25	192	قَطَنًا	Sad	16
53	حُجْرًا	Yusuf	36	193	قِطْمِيرٍ	Fatir	13
54	حَتَّارٍ	Luqman	32	194	يَفْطِينِ	Al-Saffat	146
55	الْحَرْطُومِ	Al-Qalam	16	195	مُنْفَعِرٍ	Al-Qamar	20
56	حُشْبٍ	Al-Munafiqun	4	196	أَفْقَاهُهَا	Muhammad	24
57	مُخَضُّودٍ	Al-Waqi'ah	28	197	مُفْمَحُونَ	Yasin	8
58	حَمَطٍ	Saba'	16	198	فَمَطْرِيرًا	Al-Insan	10
59	الْمُنْحَنِفَةُ	Al-Ma'idah	3	199	مَقَامِعٍ	Al-Hajj	21
60	الْحَيَامِ	Al-Rahman	72	200	الْقُمَّلِ	Al-A'raf	133
61	الْمَدْبِثِ	Al-Muddassir	1	201	قِنَوَانَ	Al-An'am	99
62	دَرَاهِمٍ	Yusuf	20	202	قَابٍ	Al-Najm	9
63	دُسْرٍ	Al-Qamar	13	203	قَوْسِينَ	Al-Najm	9
64	دِفءٍ	Al-Nahl	5	204	كَبِدٍ	Al-Balad	4
65	دَافِيٍّ	Al-Tariq	6	205	كَنْبِيًّا	Al-Muzzammil	14
66	لِدُلُوكِ	Al-Isra'	78	206	كَسَادَهَا	Al-Tawbah	24
67	دِينَارٍ	Ali 'Imran	75	207	كُفُورًا	Al-Ikhlash	4
68	دِهَاقًا	Al-Naba'	34	208	كِفَاتًا	Al-Mursalat	25
69	مُدْهَامَتَانِ	Al-Rahman	64	209	كَالِجُونَ	Al-Mu'minun	104
70	أُدْهَى	Al-Qamar	46	210	لَكَنُودٍ	Al-'Adiyat	6
71	مَدَّوْمًا	Al-A'raf	18	211	الْكُنَسِ	Al-Takwir	16

Istilah Faraid dalam 114 Surah Al-Quran: Satu Analisis

72	مُدْعِينِ	Al-Nur	49	212	الْحَافَا	Al-Baqarah	273
73	رَتْمًا	Al-Anbiya'	30	213	لَحْنِ	Muhammad	30
74	رَحِيقِ	Al-Mutaffifin	25	214	بِلِحِيَّتِي	Taha	94
75	رُحَاءَ	Sad	36	215	لَا زِبِ	Al-Saffat	11
76	رِدْءًا	Al-Qasas	34	216	بِالْأَلْقَابِ	Al-Hujurat	11
77	رَدْمًا	Al-Kahf	95	217	لَوَاقِحِ	Al-Hijr	22
78	مَرْصُوصِ	Al-Saff	4	218	لِوَادًا	Al-Nur	63
79	مُرَاعِمًا	Al-Nisa'	100	219	الْمَجُوسِ	Al-Hajj	17
80	رُفْرِفِ	Al-Rahman	76	220	الْمِحَالِ	Al-Ra'd	13
81	رَقِ	Al-Tur	3	221	الْمَخَاضِ	Maryam	23
82	رَوَاكِدَ	Al-Shura	33	222	مَارُوتَ	Al-Baqarah	102
83	رَكْرًا	Maryam	98	223	الْمَرْوَةَ	Al-Baqarah	157
84	رِمَاحِكُمْ	Al-Ma'idah	94	224	الْمُزْنَ	Al-Waqi'ah	69
85	كِرْمَادِ	Ibrahim	18	225	مَسَدِ	Al-Masad	5
86	رَمْرًا	Ali 'Imran	41	226	أَمْشَاجِ	Al-Insan	2
87	رَمْضَانَ	Al-Baqarah	185	227	الْمَعْرِ	Al-An'am	143
88	رَهْوًا	Al-Dukhan	24	228	أَمْعَاءَهُمْ	Muhammad	15
89	الرَّوْعِ	Hud	74	229	مَكَّةَ	Al-Fath	24
90	الرُّومِ	Al-Rum	2	230	مِيكَالَ	Al-Baqarah	98
91	رَيْشًا	Al-A'raf	26	231	مُكَاءَ	Al-Anfal	35
92	رَبِيعِ	Al-Shu'ara'	128	232	مَهْمَا	Al-A'raf	132
93	الرَّبَابِيَّةِ	Al-'Alaq	18	233	النَّجْدَيْنِ	Al-Balad	10
94	رَحْمًا	Al-Anfal	15	234	نَجَسِ	Al-Tawbah	28
95	زَرَابِي	Al-Ghashiyah	16	235	نَحْبَةَ	Al-Ahzab	23
96	زُرْقًا	Taha	102	236	نَحْرَةَ	Al-Nazi'at	11
97	الْمُرْتَلِ	Al-Muzzammil	1	237	نَسْرًا	Nuh	23
98	زَمْهَرِيرًا	Al-Insan	13	238	نَضَّاحَتَانِ	Al-Rahman	66

99	زُنْحِيلاً	Al-Insan	17	239	النَّطِيحَةُ	Al-Ma'idah	3
100	زَيْمٍ	Al-Qalam	13	240	نَعْلَيْكَ	Taha	12
101	الرَّاهِدِينَ	Yusuf	20	241	التَّقَاتَاتِ	Al-Falaq	4
102	زُهْرَةَ	Taha	131	242	نَعَجَةٌ	Sad	23
103	بِالسَّاحِلِ	Taha	39	243	نَقْعًا	Al-'Adiyat	4
104	سُدَى	Al-Qiyamah	36	244	نَكِدًا	Al-A'raf	58
105	السَّرْدِ	Saba'	11	245	نَمَارِقُ	Al-Ghashiyah	15
106	سُرَادِفُهَا	Al-Kahf	29	246	بِنَمِيمٍ	Al-Qalam	11
107	مَسْبَعَةٍ	Al-Balad	14	247	مِنْهَاجًا	Al-Ma'idah	48
108	مَسْكُوبٍ	Al-Waqi'ah	31	248	التَّنَاوُشُ	Saba'	52
109	سَلْسَبِيلاً	Al-Insan	18	249	مَنَاصٍ	Sad	3
110	سَامِدُونَ	Al-Najm	61	250	النَّوَى	Al-An'am	95
111	سَمَكَهَا	Al-Nazi'at	28	251	هَآؤُمْ	Al-Haqqah	19
112	مُسْنَدَةٌ	Al-Munafiqun	4	252	هَرَبًا	Al-Jinn	12
113	تَسْنِيمٍ	Al-Mutaffifin	27	253	هَارُوتَ	Al-Baqarah	102
114	سَنَا	Al-Nur	43	254	بِالْهَزْلِ	Al-Tariq	14
115	بِالسَّاهِرَةِ	Al-Nazi'at	14	255	هَلُوعًا	Al-Ma'ariz	19
116	سُهُوطًا	Al-A'raf	74	256	هَامِدَةً	Al-Hajj	5
117	سَوَاطٍ	Al-Fajr	13	257	مُنْهَمِرٍ	Al-Qamar	11
118	سَائِبَةٍ	Al-Ma'idah	103	258	هَمْسًا	Taha	108
119	سَيِّئَاءَ	Al-Mukminun	20	259	مَهِيلاً	Al-Muzzammil	14
120	الشِّتَاءِ	Quraysh	2	260	هَيْتَ	Yusuf	23
121	شُحُومَهُمَا	Al-An'am	146	261	الْمَوْءُودَةَ	Al-Takwir	8
122	شِرْذِمَةً	Al-Shu'ara'	54	262	مَوْثِلًا	Al-Kahf	58
123	أَشْرَاطُهَا	Muhammad	18	263	وَأَوْبَارِهَا	Al-Nahl	80
124	شَفَتَيْنِ	Al-Balad	9	264	الْوَتِينَ	Al-Haqqah	46
125	مُتَشَاكِسُونَ	Al-Zumar	29	265	الْوُحُوشُ	Al-Takwir	5

Istilah Faraid dalam 114 Surah Al-Quran: Satu Analisis


126	شَاخِحَاتٍ	Al-Mursalat	27	266	سِنَةٌ	Al-Baqarah	255
127	لَشَوْبًا	Al-Saffat	67	267	شِيَّةٌ	Al-Baqarah	71
128	شَوَاطِئُ	Al-Rahman	35	268	مَوْضُونَةٍ	Al-Waqi'ah	15
129	الشُّوَكَةِ	Al-Anfal	7	269	مَوَاطِنَ	Al-Tawbah	25
130	الصَّاحَّةُ	'Abasa	33	270	وَفَدًا	Maryam	85
131	صَرَغَى	Al-Haqqah	7	271	مَوْفُورًا	Al-Isra'	63
132	الصَّافِنَاتُ	Sad	31	272	يُوفِضُونَ	Al-Ma'arij	43
133	صَلَدًا	Al-Baqarah	264	273	الْمَوْفُودَةُ	Al-Ma'idah	3
134	صَامِثُونَ	Al-A'raf	193	274	تَوَكِيدَهَا	Al-Nahl	91
135	الصَّمَدُ	Al-Ikhlash	2	275	وَهَاجًا	Al-Naba'	13
136	صَوَامِعُ	Al-Hajj	40	276	وَاهِيَّةٌ	Al-Haqqah	16
137	أَصْوَاهِهَا	Al-Nahl	80	277	الْيَاقُوتُ	Al-Rahman	58
138	صِيَاصِيهِمْ	Al-Ahzab	26	278	أَيْقَاطًا	Al-Kahf	18
139	الصَّيْفِ	Quraysh	2	279	يَنْعِهِ	Al-An'am	99
140	الصَّانِ	Al-An'am	143				

(Sumber: Al Hafiz & Kamarul Shukri, 2020)

Demikian 279 patah perkataan faraid bagi kata nama. Urutan susunan yang digunakan adalah mengikut susunan dalam buku *al-Mu'jam al-Mufihris Li Alfaz al-Qur'an* (Muhammad Fuad, 1945). Walau bagaimanapun, pengkaji berpendapat susunan dalam bentuk tertib surah adalah lebih mudah untuk diguna pakai. Namun, terpulang kepada diri masing-masing untuk memilih yang mana lebih disukai bahkan dialu-alukan jika ingin membuat susunan sendiri.

Daripada 114 surah al-Quran, kajian menemui terdapat surah yang tidak mengandungi perkataan faraid. Jumlah surah tersebut ialah sebanyak 28 buah surah. Justeru, dapat disimpulkan terdapat 86 buah surah mengandungi perkataan faraid.

Rajah 2.0: Keberadaan Perkataan Faraid Dalam 114 Surah



(Sumber: Al Hafiz & Kamarul Shukri, 2020)

Surah al-Baqarah mencatatkan rekod paling tinggi iaitu memiliki 23 patah perkataan faraid. Perkataan pertama adalah pada ayat ke 16 dan yang terakhir pada ayat ke 275. Di bawah ialah himpunan perkataan faraid di dalam surah al-Baqarah.

Jadual 5.0: Perkataan Faraid Di Dalam Surah al-Baqarah

Al-Baqarah	
1	رَبِّحْتَ أُولَئِكَ الَّذِينَ اشْتَرُوا الضَّلَالََةَ بِالْهُدَىٰ فَمَا رَبِّحَتْ تِجَارَتُهُمْ وَمَا كَانُوا مُهْتَدِينَ ﴿١٦﴾
2, 3, 4, 5, 6	بِقُلُوبِهَا وَقَفَائِلِهَا وَقُومِهَا وَعَدَسِهَا وَبَصَلِهَا وَإِذْ قُلْتُمْ يَا مُوسَىٰ لَنْ نَصْبِرَ عَلَىٰ طَعَامٍ وَاحِدٍ فَادْعُ لَنَا رَبَّكَ يُخْرِجْ لَنَا مِمَّا تُنْبِتُ الْأَرْضُ مِنْ بَقْلِهَا وَقَفَائِلِهَا وَقُومِهَا وَعَدَسِهَا وَبَصَلِهَا ۗ قَالَ أَتَسْتَبْدِلُونَ الَّذِي هُوَ أَدْنَىٰ بِالَّذِي هُوَ خَيْرٌ ۗ اهْبِطُوا مِصْرًا فَإِنَّ لَكُمْ مِمَّا سَأَلْتُمْ ۗ وَضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ الذَّلِيلَةُ وَالْمَسْكَنَةُ وَبَاءُوا بِغَضَبٍ مِنَ اللَّهِ ۗ ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ كَانُوا يَكْفُرُونَ بِآيَاتِ اللَّهِ وَيَقْتُلُونَ النَّبِيِّينَ بِغَيْرِ الْحَقِّ ۗ ذَلِكَ بِمَا عَصَوْا وَكَانُوا يَعْتَدُونَ ﴿٦١﴾
7	فَاتَّقِ قَالُوا ادْعُ لَنَا رَبَّكَ يُبَيِّنْ لَنَا مَا لَوْهَا ۗ قَالَ إِنَّهُ يَقُولُ إِنَّهَا بَقَرَةٌ صَفْرَاءُ فَاقِعٌ

		لَوْهَا تَسُرُّ النَّاطِرِينَ ﴿٦٩﴾
8	شِيءٌ	قَالَ إِنَّهُ يَقُولُ إِنَّهَا بَقَرَةٌ لَا ذَلُولٌ تُثِيرُ الْأَرْضَ وَلَا تَسْقِي الْحَرْثَ مُسَلَّمَةٌ لَا شِيءَ فِيهَا ۖ قَالُوا آلَانَ حِنْتٌ بِالْحَقِّ ۖ فَدَجَبُوا مَا كَادُوا يَفْعَلُونَ ﴿٧١﴾
9	مِيكَالٌ	مَنْ كَانَ عَدُوًّا لِلَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ وَرُسُلِهِ وَجِبْرِيلَ وَمِيكَالَ فَإِنَّ اللَّهَ عَدُوٌّ لِلْكَافِرِينَ ﴿٩٨﴾
10, 11, 12	بَابِلُ هَارُوتُ مَارُوتُ	وَاتَّبَعُوا مَا تَتْلُو الشَّيَاطِينُ عَلَىٰ مُلْكِ سُلَيْمَانَ ۖ وَمَا كَفَرَ سُلَيْمَانُ وَلَٰكِنَّ الشَّيَاطِينَ كَفَرُوا يُعَلِّمُونَ النَّاسَ السِّحْرَ وَمَا أُنزِلَ عَلَى الْمَلَكَيْنِ بِبَابِلَ هَارُوتَ وَمَارُوتَ ۖ وَمَا يُعَلِّمَانِ مِنْ أَحَدٍ حَتَّىٰ يَقُولَا إِنَّمَا نَحْنُ فِتْنَةٌ فَلَا تَكْفُرْ ۖ فَيَتَعَلَّمُونَ مِنْهُمَا مَا يُفَرِّقُونَ بِهِ بَيْنَ الْمَرْءِ وَزَوْجِهِ ۖ وَمَا هُم بِضَارِينَ بِهِ مِنْ أَحَدٍ إِلَّا بِإِذْنِ اللَّهِ ۖ وَيَتَعَلَّمُونَ مَا يَضُرُّهُمْ وَلَا يَنْفَعُهُمْ ۖ وَلَقَدْ عَلَّمُوا لَمَانَ اشْتِرَاهُ مَا لَهُ فِي الْأَجْرَةِ مِنْ خَلَاقٍ ۖ وَلَيَسَّ مَا شَرَوْا بِهِ أَنفُسَهُمْ ۖ لَوْ كَانُوا يَعْلَمُونَ ﴿١٠٢﴾
13	الْمَرْوَةَ	إِنَّ الصَّفَا وَالْمَرْوَةَ مِنْ شَعَائِرِ اللَّهِ ۖ فَمَنْ حَجَّ الْبَيْتَ أَوْ اعْتَمَرَ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِ أَنْ يَطَّوَّفَ بِهِمَا ۖ وَمَنْ تَطَوَّعَ خَيْرًا فَإِنَّ اللَّهَ شَاكِرٌ عَلِيمٌ ﴿١٥٨﴾
14	يَنْعِقُ	وَمَثَلُ الَّذِينَ كَفَرُوا كَمَثَلِ الَّذِي يَنْعِقُ بِمَا لَا يَسْمَعُ إِلَّا دُعَاءً وَنِدَاءً ۖ صُمُّ بِكُمْ عَمِي فَهُمْ لَا يَعْقِلُونَ ﴿١٧١﴾
15	رَمَضَانَ	شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَىٰ وَالْفُرْقَانِ ۖ فَمَنْ شَهِدَ مِنْكُمُ الشَّهْرَ فَلْيَصُمْهُ ۖ وَمَنْ كَانَ مَرِيضًا أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِّنْ أَيَّامٍ أُخَرَ ۗ يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ وَلِتُكْمِلُوا الْعِدَّةَ وَلِتُكَبِّرُوا اللَّهَ عَلَىٰ مَا هَدَاكُمْ وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿١٨٥﴾
16, 17	سِنَةٌ يَتُودُهُ	اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ ۖ لَا تَأْخُذُهُ سِنَّةٌ وَلَا نَوْمٌ ۗ لَهُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ ۗ مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهُ إِلَّا بِإِذْنِهِ ۗ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ ۗ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ ۗ وَسِعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ ۗ وَلَا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَا ۗ وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ ﴿٢٥٥﴾
18	انْفِصَامٌ	لَا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ ۗ قَدْ تَبَيَّنَ الرُّشْدُ مِنَ الْغَيِّ ۗ فَمَنْ يَكْفُرْ بِالطَّاغُوتِ وَيُؤْمِن بِاللَّهِ فَقَدِ اسْتَمْسَكَ بِالْعُرْوَةِ الْوُثْقَىٰ لَا انْفِصَامَ لَهَا ۗ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿٢٥٦﴾

19	صَلَدًا	يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تُبْطِلُوا صَدَقَاتِكُمْ بِالْمَنِّ وَالْأَذَى كَالَّذِي يُنْفِقُ مَالَهُ رِثَاءَ النَّاسِ وَلَا يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ۖ فَمَثَلُهُ كَمَثَلِ صَفْوَانٍ عَلَيْهِ تُرَابٌ فَأَصَابَهُ وَابِلٌ فَتَرَكَهُ صَلْدًا ۖ لَا يَقْدِرُونَ عَلَى شَيْءٍ مِّمَّا كَسَبُوا ۗ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الْكَافِرِينَ ﴿٢٦٤﴾
20	فَطَلٌّ	وَمَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ اتِّبَاعَ مَرْضَاتِ اللَّهِ وَتَثْبِيئًا مِّنْ أَنفُسِهِمْ كَمَثَلِ جَنَّةٍ بِرَبْوَةٍ أَصَابَهَا وَابِلٌ فَآتَتْ أُكُلَهَا ضِعْفَيْنِ فَإِن لَّمْ يُصِبْهَا وَابِلٌ فَطَلٌّ ۗ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿٢٦٥﴾
21	تُعْمِضُوا	يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَنْفِقُوا مِنْ طَيِّبَاتِ مَا كَسَبْتُمْ وَمِمَّا أَخْرَجْنَا لَكُمْ مِنَ الْأَرْضِ ۖ وَلَا تَيَمَّمُوا الْخَبِيثَ مِنْهُ تُنْفِقُونَ وَلَسْتُمْ بِآخِذِيهِ إِلَّا أَنْ تُعْمِضُوا فِيهِ ۗ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ غَنِيٌّ حَمِيدٌ ﴿٢٦٧﴾
22	إِلْحَافًا	لِلْفُقَرَاءِ الَّذِينَ أَحْصَرُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ لَا يَسْتَطِيعُونَ ضَرْبًا فِي الْأَرْضِ يَحْسَبُهُمُ الْجَاهِلُ أَغْنِيَاءَ مِنَ التَّعَفُّفِ تَعْرِفُهُمْ بِسِيمَاهُمْ لَا يَسْأَلُونَ النَّاسَ إِلْحَافًا ۗ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ خَيْرٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ ﴿٢٧٣﴾
23	يَتَحَبَّطُهُ	الَّذِينَ يَأْكُلُونَ الرِّبَا لَا يَقُومُونَ إِلَّا كَمَا يَقُومُ الَّذِي يَتَخَبَّطُهُ الشَّيْطَانُ مِنَ الْمَسِّ ۚ ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوا إِنَّمَا الْبَيْعُ مِثْلُ الرِّبَا ۗ وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا ۗ فَمَنْ جَاءَهُ مَوْعِظَةٌ مِنْ رَبِّهِ فَانْتَهَى فَلَهُ مَا سَلَفَ وَأَمْرُهُ إِلَى اللَّهِ ۗ وَمَنْ عَادَ فَأُولَٰئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ ۗ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ﴿٢٧٥﴾

(Sumber: Al Hafiz & Kamarul Shukri, 2020)

5. Kesimpulan

Al-Quran merupakan kalam Allah SWT dan semestinya bukan kalam makhluk. Andai Allah SWT tidak mengutus Nabi Muhammad SAW untuk mengajarkannya kepada makhluk, nescaya tidak akan difahami dengan jelas. Justeru, setiap ayat dan kalimah yang terdapat di dalam al-Quran itu bukan hanya perlu dibaca sahaja bahkan perlu disantuni dengan terperinci serta mendalam. Zahirnya ada sesetengah perkataan mempunyai maksud yang sama, namun perkara tersebut ternafi apabila dikaji secara terperinci. Semoga kajian ini dapat menjadi titik mula kepada kajian seterusnya dalam usaha menyantuni rahsia-rahsia al-Quran. Di samping itu, dapat membantu para penghafal al-Quran agar dapat memantapkan lagi hafalan masing-masing. Sebagai contoh, apabila disebut sahaja satu kalimah daripada perkataan faraid, terus tergambar di mana keberadaannya kerana hanya terdapat pada satu tempat sahaja di dalam al-Quran

Rujukan

Al-Quran al-Karim

Abd al-Latif al-Khatib (2002). *Mu'jam al-Qiraat*. Kaherah: Dar Sa'd al-Din

Al-Suyuti, 'Abd al-Rahman Jalaluddin (2004), *al-Itqan fi 'Ulum al-Qur'an*, Kaherah: Dar al-Hadith

Husin bin Awang (1994), *Kamus at-Tullab*. Kuala Lumpur: Darul Fikir

Ibn al-Jazari, Muhammad bin Muhammad bin Muhammad bin 'Ali bin Yusuf (2000), *Tayyibah al-Nashr fi al-Qira'at al-'Ashr*, Madinah: Dar al-Huda

Ibn Manzur (2003), *Lisan al-'Arab*. Kaherah: Dar al-Hadith

Muhammad Fuad Abd al-Baqi (1945). *al-Mu'jam al-Mufahras Li Alfaz al-Qur'an al-Karim*. Kaherah: Dar al-Kutub al-Misriyyah

Nasr Sa'id 'Abd al-Maqsud. (2009). *Ghayah al-Arib fi al-Dilalah wa al-Asalib*. Tanta: Jami'ah al-Azhar.

Sa'ad 'Abd al-Hamid (2009), *Taysir al-Rahman fi Tajwid al-Qur'an*, Shoubra al-Kheima: Dar al-Taqwa